

HIMPUNAN MAKSUD ISTILAH SYARA'
PENDIDIKAN SYARIAH TINGKATAN 4

NAMA PELAJAR: _____

TINGKATAN : _____

BIL	ISTILAH	BAHASA	ISTILAH SYARA	Tarikh Tasmī'	T.tgn Guru/penjaga
1.	ORANG FASIQ	Menyimpang dari sesuatu perkara	Orang yang menyaksikan / tetapi tidak meyakini dan melaksanakan tuntutan.		
2.	SYAK DALAM SOLAT	Perasaan kurang percaya /was-was	Kedaan terlupa atau terlalai /semasa melakukan ibadat solat /seperti terlupa bilangan rakaat atau meninggalkan solat ab'ad.		
3.	WASIAT	Berpesan	Pesanan yang dibuat oleh seseorang kepada seseorang yang lain/ supaya melakukan kebaikan terhadap harta yang dimiliki /selepas pemberi wasiat meninggal dunia		
4.	SALAM	Semalat/aman/tenteram	Cara atau ucapan selamat dan sejahtera/ kepada sesama orang islam /menggunakan lafaz yang khusus		
5.	USUL	Asas sesuatu perkara	Dalil dan kaedah		
6.	FEQAH	Faham	Ilmu berkaitan hukum syara' /secara amali /yang diperoleh daripada dalil-dalil yang terperinci		
7.	USUL AL-FIQH	-	Ilmu berkaitan kaedah umum penentuan hukum syara' /secara amali /melalui dalil-dalil yang terperinci.		
8.	HUKUM SYARA'	-	Khitabullah yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf /sama ada berbentuk tuntutan (al-iqtdhai)/ atau pilihan (attakhyir) /atau keadaan (al-Wad'u)		
9.	HUKUM TAKLIFI	-	Khitabullah yang menuntut untuk melakukan sesuatu/ atau meninggalkan /atau memilih untuk melakukan atau tidak		
10	IJABUN (WAJIB)	-	Tuntutan untuk melakukan sesuatu dengan tegas		
11	NADBUN (SUNAT)	-	Tuntutan untuk melakukan sesuatu perkara secara tidak tegas		
12	KARAHAH (MAKRUH)	-	Tuntutan untuk meninggalkan sesuatu perkara secara tidak tegas.		

13	TAHRIM (HARAM)	-	Tuntutan untuk meninggalkan sesuatu perkara secara tegas		
14.	IBAHAH (HARUS)	-	Pilihan yang diberikan oleh syara' kepada mukallaf sama ada untuk melakukan sesuatu perkara atau meninggalkannya.		
15.	HUKUM WAD'I	-	Khitabullah yang menjadikan sesuatu itu sebagai sebab kepada sesuatu hukum atau syarat atau mani', sohih atau batil, a'zimah atau rukhsah bagi sesuatu hukum syara' yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf.		
16	SEBAB	-	Perkara yang dijadikan oleh syara' sebagai pencetus kepada sesuatu hukum syara'.		
17	SYARAT	-	Perkara yang membolehkan sesuatu hukum itu wujud dan ketiadaannya menyebabkan ketiadaan hukum.		
18	MANI'	-	Perkara yang dijadikan oleh syara' sebagai penghalang kepada kewujudan hukum atau sebab hukum.		
19	SOHIH'	-	Perbuatan mukallaf yang cukup rukun dan syaratnya		
20	BATIL		Perbuatan mukallaf yang tidak cukup rukun dan syartnya		
21.	A'ZIMAH	-	Perkara yang disyariatkan pada permulaanya dan bukan disyariatkan kerana wujudnya halangan		
22	RUKHSAH		Perkara yang disyariatkan disebabkan wujudnya halangan untuk melaksanakan perintah asal syara'.		
23	DALIL	Petunjuk kepada sesuatu	Perkara yang boleh menyampaikan kepada hukum syara' yang amali melalui penelitian yang betul		
24	AL-QURAN	pembacaan	Kalamullah yang diturunkan oleh Allah kepada nabi Muhammad dalam bahasa arab sebagai mukjizat, dalam bentuk mashaf , disampaikan kepada setiap generasi secara mutawattir, membacanya dikira ibadah dan dimulai dengan surah Al-fatehah serta diakhiri dengan surah An-NAs.		
25	AS-SUNNAH	Jalan dan kebiasaan	Percakapan Rasulullah selain daripada Al-Quran , perbuatan atau perakuan baginda.		
26	AL-SUNNAH AL-QAULIYAH	-	Semua kata-kata yang diucapkan oleh Rasulullah		
27	AL-SUNNAH AL-FI'LIYAH	-	Sesuatau perbuatan yang dilakukan oleh Rasulullah		

28	AL-SUNNAH AL-TAKRIRIYAH	-	Semua perakuan Rasulullah terhadap ucapan atau perbuatan yang dilakukan dihadapan baginda tanpa baginda mengingkarinya.		
29	AL-IJMAK	Azam untuk melakukan sesuatu/ persepakatan	Persepakatan ulama mujtahidin daripada umat nabi Muhammad pada suatu masa terhadap sesuatu hukum syara' selepas kewafatan baginda.		
30	AL-QIAS	Sukatan	Menyamakan hukum perkara yang tidak mempunyai hukum dalam Nas dengan perkara yang mempunyai hukumnya dalam nas syara' disebabkan persamaan sifat (illah) pada kedua-duanya		
31	AL-ISTIHSAN	Menganggap sesuatu sebagai baik	Mendahulukan al-qias yang tersembunyi (khafi) berbanding dengan al-qias yang jelas (jali) disebabkan sesuatu dalil atau mengecualikan suatu permasalahan daripada kaedahnya yang umum disebabkan terdapat dalil khas yang lebih kuat.		
32	AL-ISTISHAB	Meminta supaya Bersama dan meminta supaya dikekalkan bersama	Mensabitkan atau menafikan hukum sesuatu perkara pada masa kini atau pada masa hadapan berdasarkan kepada hukumnya pada masa lalu disebabkan tiada dalil yang mengubahnya.		
33	AL-MASOLIHUL MURSALAH	Al-masoleh – kebaikan dan kemaslahatan Al-mursalah – bebas daripada sebarang ikatan	Kebaikan yang bersesuaian dengan kebaikan yang dianjurkan oleh syara' tetapi tiada nas syara' secara khusus mengiktiraf atau menolaknya.		
34	QAULU SOHABI	Qoul – kata-kara atau pandangan Sohabat- golongan yang pernah berjumpa dan beriman dengan Rasulullah serta berdampingan dengan baginda untuk satu tempoh yang lama dan mati dalam keadaan Islam.	Fatwa, pandangan atau mazhab sahabat Rasulullah dalam satu permasalahan yang tiada hukum daripada nas dan tidak disepakati oleh mereka.		
35	SADDU ZARA'I	Saddu- menutup	Mencegah perkara yang harus yang boleh mendapatkan kemudharatan		

		Az-zara'1 – jalan untuk sampai kepada sesuatu perkara sama ada perkara baik atau buruk			
36	AL-'URFU WAL A'DAH	pengetahuan	Perara yang menjadi kebiasaan masyarakat sama ada berbentuk perkataan atau perbuatan.		
37	HAJI	Menunjungi sesuatu tempat	Mengunjungi baitullah Al-haram di mekah pada masa tertentu untuk menunaikan ibadah tertentu dengan syarat tertentu.		
38	UMRAH	Ziarah	Mengunjungi Baitullah Al-haram di mekah pada bila-bila masa untuk menunaikan ibadah tertentu dengan syarat-syarat tertentu.		
39	NIABAH HAJI	Menggantikan	Mengerjakan haji untuk orang lain yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia dengan syarat-syarat tertentu. Niabah juga boleh dilakukan untuk ibadah umrah.		
40	SEMBELIHAN	-	Menghilangkan nyawa binatang yang halal dimakan dengan menggunakan alat tajam sama ada dengan cara memutuskan ural halqum dan mareh jika boleh ditangkap, atau mencederakan mana-mana bahagian anggota binatang tersebut yang boleh mematikan jika tidak boleh ditangkap, atau menggunakan binatang pemburu yang terlatih.		
41	PEMBURUAN	-	Menangkap binatang liar yang halal di makan dan belum dimiliki serta belum dikuasai.		
42	KORBAN	-	Menyembelih binatang ternakan pada hari raya korban iaitu 10 zulhijjah sehingga hari-hari tasyriq iaitu 11,12, dan 13 zulhijjah dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah.		
43	AKIKAH	-	Binatang yang disembelih Ketika mencukur rambut bayi yang baru dilahirkan sebagai tanda bersyukur kepada Allah.		
44	MUAMALAH	Pergaulan	Tatacara arau peraturan dalam perhubungan antara sesama manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing.		
45	BAI' ATTAWARRUQ	Berasal daripada perkataan الورق yang bermaksud dirham iaitu wang yang diperbuat daripada perak.	Urusniaga yang melibatkan dua peringkat urus niaga. Pada peringkat pertama urus niaga tersebut melibatkan pemebelian secara hutang antara pembeli dengan penjual asal sesuatu asset. Pada peringkat kedua , pembeli kemudiannya akan menjual asset tersebut secara tunai kepada pihak ketiga. Ia dinamakan tawwaruq kerana Ketika membeli aset itu secara hutang,		

			pembeli tidak berniat untuk menggunakan atau memanfaatkannya, tetapi hanya ingin menjual semula bagi memperoleh wang tunai.		
46	BAI' SALAM	Hutang	Akad jual beli secara pesanan terhadap asset tertentu dengan spesifikasi tertentu. Pembayaran penuh dibuat secara tunai semasa akad dimeterai manakala penyerahan barang ditangguhkan kesuatu masa yang ditetapkan.		
47	BAI' ISTISNAK	Meminta untuk membuatkan sesuatu	Merupakan satu akad jual beli yang melibatkan pembuatan, penghasilan atau pembinaan asset tertentu dengan spesifikasi dan syarat tertentu yang dipersetujui antara penjual dan pembeli		
48	BAI' ADDAIN	Hutang yang mempunyai tempoh	Akad jual beli hak hutang yang terbentuk hasil daripada aktiviti perniagaan yang berlandaskan syara.		
49	MUSYARAKAH	Perkongsian anantara dua orang	Musarakah merupakan kontrak perkongsian antara dua pihak atau lebih untuk membiayai sesuatu perniagaan dan semua pihak yang terlibat menyumbang modal sama ada dalam bentuk tunai atau lain-lain. Keuntungan daripada perkongsian tersebut akan dikongsi Bersama berdasarkan nisbah yang dipersetujui, manakala kerugian juga akan ditanggung Bersama berdasarkan nisbah sumbangan modal masing-masing.		
50	MUDHARABAH	Perkataan yang berasal daripada ضرب yang bermaksud berjalan mencari rezeki	Kontrak antara dua pihak bagi menjalankan sesuatu usaha niaga. Ia melibatkan pelabur dan pengusaha. Pemodal menyediakan modal dan pengusaha menjalankan usaha niaga tersebut. Sebarang keuntungan yang terhasil daripada usaha niaga tersebut akan dikongsi antara pemodal dan pengusaha berdasarkan syarat dan nisbah yang dipersetujui, manakala sebarang kerugian akan ditanggung sepenuhnya oleh pelabur.		
51	HIBAH	Pemberian tanpa sebarang alasan	Memberikan pemilikan harta kepada orang lain tanpa sebarang bayaran atau balasan Ketika masih hidup secara sukarela.		
52	WADIA'H	Sesuatu yang ditinggalkan kepada orang selain pemilik untuk menjaganya	Harta yang diserahkan kepada orang lain untuk menjaganya tanpa diberikan upah		
53	QARDU	Pinjam	Memberikan harta kepada pihak yang memanfaatkan harta tersebut dan dikembalikan gentian yang sama jenis dengannya tanpa sebarang tambahan.		
54	KAFALAH	Jaminan	Menjamin hak yang thabit diatas tanggungan orang lain atau mendatangkan orang yang menanggung hak atau datang harta yang dijamin.		

55.	RAHNU	Menahan atau tetap dan berkekalan	Menjadikan sesuatu asset sebagai jaminan kepada penjamin, agar pinjaman tersebut boleh dilunaskan dengan nilai asset jaminan tersebut sekiranya peminjam tidak mampu melunaskan pinjaman.		
56	PERUNDANGAN ISLAM	Jalan lurus yang menunjukkan jalan kebaikan	Hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah (disyariatkan) kepada umat manusia yang meliputi aspek akidah, Syariah, akhlak, dan peraturan-peraturan kehidupan yang perlu diyakini, dipatuhi dan diamalkan untuk memberi kebahagiaan didunia dan diakhirat.		
57	MAQASID SYARIAH	Maqasid- tujuan Syarat – jalan kearah sumber kehidupan	Tujuan akhir untuk mencapai keredhaan Allah dengan melaksanakan syariat di atas muka bumi dan ia menjadi pedoman hidup umat manusia.		
58	TAMADUN ISLAM	Ketinggian budaya , Bahasa dan pembukaan bandar	Segala pencapaian dan kemajuan yang mencakupi semua aspek kegiatan manusia dari sudut kebudayaan , keilmuan dan kegamaan yang berasaskan prinsip akidah , syariat dan akhlak islam.		